



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**2 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 446 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 249,055 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 150 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 239,732 orang. Manakala 951 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 424 orang di hospital, 512 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 17 orang merangkumi 15 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 14 (21.54%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian kekal tinggi dengan 446 kes baharu hari ini, penurunan 44 kes berbanding angka kelmarin. Tidak ada Kluster baharu hari ini tetapi 23 kes datang daripada tujuh (7) Kluster yang aktif.
- b. Jumlah daerah yang mencatat kes baharu dua (2) angka kekal 11 dengan beberapa daerah merekodkan angka yang tinggi. Kota Kinabalu kembali menjadi penyumbang utama kes baharu di Sabah dengan 87 kes, bertambah 26 kes daripada jumlah semalam. Antara daerah-daerah lain yang mencatat kes baharu yang tinggi ialah Sandakan 67 kes (-74), Tuaran 49 kes (-1), Penampang 45 kes (-9), Tawau 42 kes (+16), Papar 29 kes (+15) dan Ranau 23 kes (+5).
- c. Kewujudan virus COVID-19 ditengah-tengah masyarakat memudahkan jangkitan kepada lebih ramai orang secara sporadik. Mereka hanya menyedari telah dijangkiti virus COVID-19 apabila mengalami simptom atau gejala jangkitan. Hari ini 217 orang atau hampir 49% kes positif datang daripada mereka melalui Saringan Bergejala.
- d. Ini adalah satu jumlah yang tinggi dan membimbangkan kerana lebih sukar mengekang perebakan dan penularan COVID-19 apabila virus itu berada secara meluas di dalam komuniti. Kita tidak mengenali kes indeks bagi memudahkan 'contact tracing' dan mengenalpasti mereka yang berkemungkinan telah menjadi pembawa virus.
- e. Sebanyak 440 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, empat (4) kes dalam Kategori 3 dan dua (2) kes dalam Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 5.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (175) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	23	5.16%
2	Kontak	175	39.24%
3	Bergejala	217	48.65%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	31	6.95%
<b>JUMLAH</b>		<b>446</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 1/02/2022	Catatan Kes 2/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	61	87	+26
2	Tawau	26	42	+16
3	Papar	14	29	+15
4	Ranau	18	23	+5
5	Tambunan	1	4	+3
6	Kinabatangan	5	7	+2
7	Semporna	4	5	+1
8	Keningau	4	5	+1
3	Beluran	0	1	+1
10	Kudat	6	6	Mendatar
11	Kunak	3	3	Mendatar
12	Kalabakan	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Sipitang	0	0	Mendatar
15	Sandakan	141	67	-74
16	Penampang	54	45	-9
17	Kota Belud	17	11	-6
18	Kota Marudu	12	7	-5
19	Kuala Penyu	5	1	-4
20	Pitas	4	0	-4
21	Putatan	18	15	-3
22	Telupid	6	3	-3
23	Tenom	3	1	-2
24	Tuaran	50	49	-1
25	Lahad Datu	19	18	-1
26	Beaufort	18	17	-1
27	Nabawan	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>490</b>	<b>446</b>	<b>-44</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (19 Januari – 1 Februari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	4	44	33	0	6	87	708
Sandakan	0	7	58	0	2	67	636
Tuaran	2	30	13	0	4	49	491
Penampang	0	13	32	0	0	45	369
Tawau	4	24	10	0	4	42	250
Papar	5	11	13	0	0	29	227
Ranau	4	10	6	0	3	23	175
Lahad Datu	1	1	11	0	5	18	93
Beaufort	3	3	9	0	2	17	243
Putatan	0	6	8	0	1	15	187
Kota Belud	0	9	2	0	0	11	124
Kota Marudu	0	7	0	0	0	7	217
Kinabatangan	0	4	3	0	0	7	88
Kudat	0	0	6	0	0	6	35
Keningau	0	2	2	0	1	5	68
Semporna	0	0	2	0	3	5	16
Tambunan	0	0	4	0	0	4	28
Telupid	0	2	1	0	0	3	24
Kunak	0	1	2	0	0	3	27
Kuala Penyu	0	1	0	0	0	1	42
Tenom	0	0	1	0	0	1	43
Beluran	0	0	1	0	0	1	16
Pitas	0	0	0	0	0	0	14
Nabawan	0	0	0	0	0	0	3
Sipitang	0	0	0	0	0	0	29
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>175</b>	<b>217</b>	<b>0</b>	<b>31</b>	<b>446</b>	<b>4,156</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Kiulu	2
Kota Kinabalu	Kluster Lorong Api-Api	4
Ranau	Kluster Puri Ranau	2
Papar	Kluster Persiaran Palma	5
Beaufort	Kluster Montenior	3
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	4
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	1
<b>Jumlah</b>		<b>23</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,723 unit

- Hospital 1,154 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 25.54%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 FEBRUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	442
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
<b>Jumlah</b>	<b>446</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Singapura	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	433
Bukan Malaysia	13
<b>Jumlah</b>	<b>446</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	64
Belum Menerima Vaksin	37
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	277
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	67
<b>Jumlah</b>	<b>446</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	28
6 to 11	33
12 to 17	46
18 to 25	74
26 to 59	236
>60	26
<b>Jumlah</b>	<b>446</b>



## **C NASIHAT UNTUK MENJALANI UJIAN COVID-19 JIKA MEMPUNYAI GEJALA**

- 1 Angka jangkitan tiga hari kebelakangan ini memperlihatkan peningkatan kes positif COVID-19 di kalangan orang awam yang mendapatkan rawatan kerana mempunyai gejala, walaupun tidak ada sejarah kontak rapat.
- 2 Oleh yang demikian, sesiapa juga yang mula memperlihatkan sebarang gejala dinasihatkan pergi ke fasiliti kesihatan yang berdekatan untuk ujian COVID-19. Ini adalah untuk memastikan mereka mendapat rawatan, dan juga tidak menjadi sumber jangkitan kepada orang lain.

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,618 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,613 orang adalah penduduk dewasa dan 5 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 Februari 2022 adalah seramai 2,454,375 orang. Ini meliputi 2,117,045 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,312 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,396 orang atau 76.04% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,330 orang atau 77.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,916 atau 72.10% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,039** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 136 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Perlabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 944 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 189 premis perniagaan dan 231 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 302 Premis Perniagaan melibatkan 145 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 32 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 135 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.4%
2	Beluran	98.4%
3	Semporna	98.3%
4	Tenom	98.3%
5	Kinabatangan	98.3%
6	Kota Marudu	98.1%
7	Kudat	98%
8	Keningau	98%
9	Ranau	98%
10	Beaufort	98%
11	Kota Kinabalu	98%
12	Sandakan	98%
13	Kota Belud	97.9%
14	Lahad Datu	97.9%
15	Sipitang	97.8%
16	Papar	97.8%
17	Penampang	97.8%
18	Tawau	97.8%
19	Tuaran	97.7%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**